

Pendidikan Terhadap Kanak-kanak Melazimi Norma Baharu Mengharungi Pandemik COVID-19: Penelitian Naskhah

Engkaulah Adiwiraku

Mohd Haniff Mohammad Yusoff
mohdhaniff@uum.edu.my

Unit Bahasa, Sastra dan Budaya Melayu,
Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia

Nadiatul Shakinah Abdul Rahman
nadiatulshakinah@usm.my

Bahagian Kesusasteraan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia

ABSTRAK

Pandemik COVID-19 telah membawa kepada suatu nuansa drastik dalam kehidupan manusia. Keadaan ini telah mengakibatkan berlakunya perubahan dalam sektor politik, ekonomi dan sosial. Perihal ini diburukkan lagi dengan kemerosotan ekonomi negara yang telah mengakibatkan ramai pekerja hilang punca pendapatan dan bergelut dalam meneruskan kehidupan. Aktiviti sosial juga perlu dielakkan agar rantai COVID-19 dapat diputuskan. Sehubungan itu, ibu bapa, penjaga dan guru berperanan penting dalam memastikan golongan kanak-kanak tidak terabai dan cakna dengan keadaan sekeliling. Hal ini bertujuan untuk mendidik kanak-kanak menjadi individu yang lebih sensitif terhadap persekitaran khususnya dalam mengharungi pandemik COVID-19. Justeru, penggunaan bahan bacaan yang sesuai dalam mendidik golongan kanak-kanak mengenai langkah pencegahan COVID-19 adalah sesuatu yang wajar diketengahkan dalam kalangan masyarakat. Pendedahan yang diketengahkan bukan sekadar membantu perkembangan minda, sebaliknya memberikan pengetahuan awal kepada mereka tentang COVID-

19. Oleh yang demikian, makalah ini akan menjerus kepada pemerihalalan fungsi sastra kanak-kanak sebagai wahana pendidikan menerusi naskah *Engkaulah Adiwiraku*. *Engkaulah Adiwiraku* merupakan sebuah buku cerita bergambar yang diterjemahkan daripada judul asalnya *My Hero is You* yang menampilkan Sara yang dibantu oleh Ario mengelilingi dunia untuk bertemu kanak-kanak di seluruh dunia bagi memberitahu tentang COVID-19. Penelitian ini mengakrabi kaedah kualitatif yang lebih terarah kepada analisis kandungan. Hasil dapatan daripada penelitian yang telah dijalankan, pengkaji merumuskan fungsi sastra kanak-kanak sebagai medium pendidikan serta dapat ditelusuri melalui pendidikan sendiri, keluarga dan masyarakat terhadap COVID-19.

Kata Kunci: pandemik COVID-19, pendidikan kanak-kanak, buku bergambar kanak-kanak, kesusasteraan kanak-kanak dan remaja.

ABSTRACT

The COVID-19 pandemic has led to a drastic nuance in human life. This situation has led to changes in the political, economic and social sectors. This is exacerbated by the country's economic downturn which has resulted in many workers losing their source of income and struggling to survive. Social activities should also be avoided so that the COVID-19 chain can be disconnected. In this regard, parents, guardians and teachers play an important role in ensuring that children are not neglected and aware of the surrounding situation. It aims to educate children to be more environmentally sensitive individuals, especially the COVID-19 pandemic. Therefore, the use of reading materials in educating children on COVID-19 prevention measures is something that should be highlighted in the community. The exposure presented not only helps the development of the mind, but rather gives them early knowledge about COVID-19. Therefore, this paper will lead to the description of children's literary function as a vehicle of education through the manuscript *Engkaulah Adiwiraku*. *Engkaulah Adiwiraku* is a picture story book translated from the original title *My Hero is You* featuring Sara who is assisted by Ario around the world to meet children around the world to tell about COVID-19. This study introduces a qualitative method that is more focused on content analysis. As a result of the findings that have been conducted, researchers formulate the function of children's literature as a medium of education and can be traced through self-education, family and community to COVID-19.

Key words: COVID-19 pandemic, early childhood education, children's storybook, children's and adolescent literature.

1.0 PENDAHULUAN

Seluruh dunia berhadapan dengan situasi yang agak sukar ketika ini. Keadaan ini berlaku apabila menularnya virus COVID-19 yang dikatakan bermula di daerah Wuhan, China pada penghujung tahun 2019. Virus COVID-19 telah merebak ke 220 buah negara lain seluruh dunia dengan mencatatkan melebihi 61 juta kes dan 1.4 juta kematian akibat COVID-19. Pada 30 Januari 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan wabak ini sebagai Darurat Kesihatan Awam Keprihatinan Antarabangsa dan memberi amaran kepada seluruh dunia untuk bersiap sedia dalam menghadapi wabak ini. WHO juga telah mengadakan beberapa inisiatif antarabangsa seperti Dana Respons Solidariti COVID-19 (COVID-19 Solidarity Response Fund). Bantuan ini diwujudkan untuk membantu menangani pandemik dan menyatakan sokongan terhadap WHO dan rakan kongsi. Menurut WHO, sebagai langkah mengurangkan risiko jangkitan koronavirus, masyarakat dunia dinasihatkan membasuh tangan menggunakan sabun dan air atau cecair pembasmi kuman (hand sanitizer), menutup mulut dan hidung dengan siku atau tisu ketika batuk dan bersin serta mengelakkan daripada kontak rapat dengan mereka yang bergejala demam dan batuk.

Rakyat Malaysia tidak terkecuali daripada serangan virus COVID-19. Kes kematian akibat COVID-19 di Malaysia ini melibatkan golongan warga emas dan golongan yang berpenyakit lagi berisiko tinggi. Golongan kanak-kanak juga tidak terkecuali apabila KKM turut

mencatatkan rekod bahawa kematian termuda akibat wabak ini ialah kanak-kanak berusia setahun. Realiti sebegini sebenarnya menggusarkan kerana golongan kanak-kanak begitu berisiko tinggi dan mudah dijangkiti virus kerana sistem imun mereka yang masih lemah, apatah lagi dalam melawan wabak yang dianggap sebagai pandemik ini. Oleh yang demikian, golongan ibu bapa, penjaga dan para guru berperanan penting dalam memastikan anak-anak mereka terhindar daripada virus COVID-19. Pada suatu takah, ibu bapa, penjaga dan para guru sewajarnya menerapkan pendidikan kepada anak-anak mereka khususnya mengenai virus COVID-19. Hal ini bertujuan untuk memastikan kanak-kanak lebih sensitif dengan keadaan persekitaran mereka. Justeru, makalah ini cuba menyorot peranan ibu bapa, penjaga dan guru dalam mendidik anak-anak yang dapat diperhalusi menerusi medium kesusasteraan dalam kehidupan mereka.

Kesusasteraan merupakan wadah dalam memerihalkan permasalahan yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Setiap permasalahan ditekuni oleh pengarang lalu diterjemahkan dalam karya kesusasteraan sebagai refleksi perasaan, renungan pemikiran serta perkongsian suara pandangan dalam menangani permasalahan. Asmiaty Amat (2018) beranggapan penghasilan karya sastera merupakan manifestasi kesedaran pengarang terhadap sesuatu yang dialami atau yang dilihat dalam persekitarannya. Sebegitu juga perihalnya dalam mengemukakan keberadaan kesusasteraan kanak-kanak dalam masyarakat. Kesusasteraan kanak-kanak berperanan dalam menyalurkan pendidikan yang bermanfaat terhadap golongan kanak-kanak. Kesusasteraan kanak-kanak menjadi wadah yang signifikan dalam mencorak alur pemikiran serta membentuk

keperibadian kanak-kanak. Perihal ini diperakui sesungguhnya oleh Hadijah Rahmat (2006) seperti berikut;

Bahan-bahan bacaan termasuk karya sastera adalah alat hiburan dan pendidikan masyarakat yang penting, khususnya kepada kanak-kanak. Malah buku sastera lebih mudah menarik perhatian dan minat kanak-kanak kerana mereka memang mempunyai kecenderungan semula jadi terhadap sesuatu yang berunsur kreatif dan imaginatif jika dibandingkan dengan bahan bacaan lain yang biasa dan mendatar. Oleh itu, peranan dan pengaruh sastera kanak-kanak dalam masyarakat tidak boleh diperkecilkan dan perlu diberi perhatian yang sewajarnya.

(hlm. ix)

Selain itu, pendedahan bahan bacaan sastera bagi membantu mereka dalam mengembangkan potensi diri, pembentukan moral, emosi dan tingkah laku. Bahan bacaan sastera berkeupayaan menjadi bahan bacaan yang baik bagi golongan kank-kanak untuk mengenal diri, pemikiran dan emosi mereka. Selain itu, bahan bacaan sastera juga tidak hanya berfungsi sebagai hiburan semata-mata kerana sastera juga berperanan dalam mendidik dan memberikan pengajaran khususnya kanak-kanak. Hal ini kerana bahan bacaan sastera dapat membantu kanak-kanak dalam membentuk keperibadian yang baik dan berakhlak mulia. Dalam hal ini, Arba'ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Mohammad Affendi (2011) menjelaskan bahawa bahan bacaan yang sesuai untuk kanak-kanak adalah yang mengandungi unsur hiburan dan juga pengajaran. Keperluan bahan mestilah sesuai dengan perkembangan psikologi kanak-kanak sama ada dari segi bentuk mahupun isinya. Bahan bacaan yang dapat merangsang minda kanak-kanak penting untuk pembinaan sendiri. Bahan bacaan kanak-kanak mampu mempengaruhi corak pemikiran, pembentukan personaliti diri dan emosi mereka. Justeru, karya sastera

begitu signifikan dalam mempengaruhi ruang lingkup kehidupan serta pembesaran kanak-kanak. Kanak-kanak juga sewajarnya diberikan pendedahan dalam menangani kemelut yang mungkin atau bakal dihadapi oleh mereka dengan laras bahasa yang sewajarnya mengikut kesesuaian peringkat umur mereka. Kebiasaanya, bahan bacaan sastera untuk kanak-kanak seringkali ditampilkan bersama ilustrasi bergambar yang memainkan peranan penting dalam bahan bacaan sastera kanak-kanak. Hal ini kerana kanak-kanak lebih tertarik dan tertumpu kepada ilustrasi bergambar kerana kanak-kanak akan memahami gambaran cerita menerusi ilustrasi bergambar sebelum memulakan pembacaan mereka. Justeru, keadaan ini dapat juga mendorong minat kanak-kanak terhadap bahan bacaan sastera. Menurut Arba'ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Mohammad Affendi (2011) buku bercerita bergambar membawa mesej kebaikan mengatasi kejahatan. Gambar yang cantik, jelas dan berwarna warni banyak memberikan informasi kepada kanak-kanak dalam memahami urutan cerita. Gambar dijadikan panduan kepada kanak-kanak untuk memahami peristiwa yang terjadi dan melalui gambar juga kanak-kanak dapat bercerita tentang sesuatu peristiwa terutamanya berkaitan pandemik COVID-19.

Sehubungan itu, ketika dunia berdepan dengan pandemik COVID-19, Agency Standing Committee Reference Group on Mental Health and Psychosocial Support in Emergency Settings (IASC MHPSS RG) mengambil inisiatif menerbitkan sebuah buku cerita bergambar kanak-kanak yang berjudul *Engkaulah Adiwiraku* dengan menerapkan nilai ilmu berbentuk pendidikan mengenai COVID-19.

2.0 LATAR BELAKANG NASKHAH *ENGKAULAH ADIWIRAKU*

Naskah *Engkaulah Adiwiraku* merupakan projek Agency Standing Committee Reference Group on Mental Health and Psychosocial Support in Emergency Settings (IASC MHPSS RG). Projek ini mendapat sokongan pelbagai pakar di peringkat global, rantau dan negara dari agensi-agensi yang menjadi rakan IASC MHPSS RG, dan juga ibu bapa, penjaga, guru dan kanak-kanak dari 104 buah negara. Satu tinjauan global dalam bahasa Arab, Inggeris, Itali, Perancis dan Sepanyol telah dilaksanakan bagi menilai keperluan mental, kesihatan dan psikososial kanak-kanak semasa wabak COVID-19. Satu kerangka topik-topik yang bakal dibincangkan melalui satu cerita telah disediakan dari hasil dapatan tinjauan tersebut. Buku ini telah dibacakan kepada kanak-kanak di beberapa buah negara yang terjejas akibat COVID-19. Maklum balas daripada kanak-kanak, ibu bapa dan penjaga kemudiannya telah digunakan untuk menambah baik dan mengemas kini buku cerita ini. Lebih dari 1,700 kanak-kanak, ibu bapa, penjaga dan guru dari seluruh dunia mengambil masa untuk berkongsi cara mereka menghadapi pandemik COVID-19. Halen Patuck adalah penulis skrip dan pelukis ilustrasi naskhah ini.

3.0 SOROTAN LITERATUR

Pada bahagian ini, pengkaji akan menyingkap kajian-kajian lepas yang pernah dilaksanakan para pengkaji sebelum ini. Menerusi penelitian ini, pengkaji membahagikan dua tema yang dominan yang dapat mewakili kajian-kajian lepas seperti berikut;

3.0.1 Sorotan Literatur Pendidikan Terhadap Kanak-kanak

Pendidikan terhadap golongan kanak-kanak bukanlah sesuatu yang asing untuk diperbincangkan. Sehubungan itu, ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam memberikan pendidikan awal terhadap golongan kanak-kanak. Hal ini diperakui Fauziah Hanim Jalal, Fairuz 'Ain Harun, Noraini Ismail dan Nazariah Abd Samad (2014) menerusi penelitian yang telah dilaksanakan. Penelitian tersebut cuba merungkai jenis aktiviti yang disertai serta penglibatan dan halangan penglibatan ibu bapa di Pusat Anak Permata Negara. Kajian ini dijalankan dengan melakukan tinjauan dengan mendapatkan maklumat responden melalui borang soal selidik yang diedarkan. Selanjutnya, pengkaji menganalisis dapatan yang diperolehi dengan menggunakan perisian *Statistical Package Social Science (SPSS)* versi 17.0. Hasil dapatan menunjukkan ibu bapa begitu berperanan dalam melibatkan diri dalam program pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak di Pusat Anak Permata Negara. Selain itu, kajian ini memperlihatkan maklum balas yang positif daripada sokongan ibu bapa terhadap peranan Pusat Anak Permata Negara.

Mohd Hasem Almuddin, Asyraf Isyraqi Jamil dan Musaiyadah Ahmadun (2016) menelusuri pandangan Ibn Hajar al-Haytami mengenai pendidikan kanak-kanak melalui karyanya yang berjudul *Tahrir al-Maqal*. Penelitian ini cuba meninjau pandangan penulis dalam mengutarakan pandangan terhadap pendidikan kanak-kanak. Kaedah analisis kandungan memdominasi penelitian ini dalam merungkai pandangan Ibn Hajar al-Haytami terhadap pendidikan kanak-kanak. Hasil penelitian yang dilaksanakan, pengkaji mengesani beberapa pandangan yang signifikan diutarakan Ibn Hajar al-Haytami yang merangkumi

kefahaman terhadap ilmu dan kaedah pendidikan kanak-kanak, keutamaan terhadap pengajaran al-Qur'an bagi kanak-kanak, keperluan memiliki niat yang jelas dalam pengajaran kanak-kanak, kepentingan mengelak syahwat dan fitnah terhadap kanak-kanak, kesediaan melaksana hukuman memukul (darb) berdasarkan sebab dan cara yang benar serta betul terhadap kanak-kanak, keperluan melatih kanak-kanak yang lebih cerdas untuk membantu rakan-rakannya yang lain dan kepentingan merahmati, mengasihi dan mengambil berat hal-ehwal kanak-kanak.

Ridzuan Hussin, Suraya Ahmad Kamel dan Asmahan Mokhtar (2016) pula cuba meninjau akan keberkesanan persekitaran, imej dan huruf dalam pendidikan kanak-kanak pra sekolah. Kajian ini membataskan kajian dengan melibatkan 20 orang kanak-kanak prasekolah dari Sekolah Kebangsaan Pusing, Batu Gajah. Kaedah kajian melalui kaedah kepustakaan dan kaedah soal selidik mendasari kajian ini secara keseluruhannya. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, pengkaji menyifatkan persekitaran, pengaruh imej dan huruf dalam proses pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak pada peringkat prasekolah adalah tinggi.

Penelitian oleh Siti Amalina Ahmad Khairudin, Shahidra Abdul Khalil dan Mumtazah Narowi (2019) menyorot hukuman rotan yang begitu masyhur dalam kalangan masyarakat sebagai usaha pembentukan keperibadian golongan kanak-kanak yang secara tidak langsung

merupakan pendidikan awal dari rumah. Pengkaji memfokuskan pembincangan hukuman rotan dari dua perspektif yang berbeza iaitu amalan yang sudah sebatu dalam kehidupan masyarakat dan pendekatan merotan yang turut diaplikasikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia sebagai hukuman. Pengkaji merumuskan kaedah mendisiplinkan anak-anak telah sebatu dalam masyarakat sejak dahulu lagi, malah menjadi pendidikan tidak formal di rumah oleh ibu bapa, seterusnya berlanjutan kepada pendidikan yang lebih formal oleh guru-guru ketika di madrasah dan pondok. Tidak terkecuali, pengkaji memperakui kepandaian pihak KPM yang mempertahankan nilai masyarakat, lalu diseimbangkan dengan undang-undang antarabangsa yang melarang hukuman yang bersifat penderaan kepada para pelajar.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan terhadap pendidikan kanak-kanak, bahan pendidikan yang bersumberkan sastera masih kurang diterokai oleh para pengkaji. Bahan sastera yang turut bersifat didaktik sewajarnya diberikan perhatian sebagai bahan pengajaran dalam pendidikan kanak-kanak.

3.0.2 Sorotan Literatur Terhadap Karya *Engkaulah Adiwiraku*

Engkaulah Adiwiraku merupakan sebuah buku bercerita bergambar yang dihasilkan khusus untuk golongan kanak-kanak. Buku ini ditampilkan dengan visual yang menarik dengan menyisipkan pendidikan tentang COVID-19. Kanak-kanak diberikan pendedahan yang sewajarnya untuk mencegah dan menghindarkan diri dari serangan virus COVID-19 menerusi buku ini.

Menurut Anida Sarudin (2020) ciri-ciri visual dalam *Engkaulah Adiwiraku* dianggap sebagai ‘pragmatic on the page’ kerana ilustrasinya menyokong konteks bahasa. Malah, berkeupayaan dalam mewujudkan memori jangka panjang kepada kanak-kanak dalam merakam dan menyimpan pengetahuan dan pengalaman baharu berkaitan pencegahan COVID-19. Naskhah ini juga menunjukkan lakaran watak dan penggunaan warna yang menarik dan secara tidak langsung mewujudkan seni bina halaman yang menarik. Naskhah ini juga amat bermanfaat dan berupaya memberi pengetahuan berkaitan pencegahan COVID-19 dan berfungsi sebagai bahan bacaan yang berpengetahuan kepada kanak-kanak.

Selain itu, Rohayati Junaidi (2020) menjelaskan bahawa persekitaran memainkan peranan penting terhadap perkembangan psikologi kanak-kanak dalam menghadapi perubahan yang berlaku di sekeliling mereka terutamanya ketika berlakunya pandemik seperti COVID-19. Persekitaran kanak-kanak dilihat menerusi tingkah laku dan emosi kanak-kanak yang meliputi persekitaran ahli keluarga, rakan, guru dan perubahan dalam kehidupan kanak-kanak melalui Pendekatan Ekologi. Berdasarkan penelitian mendapati bahawa persekitaran ahli keluarga merupakan persekitaran dominan yang diperlihatkan menerusi naskhah ini. Persekitaran yang melingkungi kehidupan kanak-kanak menjadi aspek penting dalam membantu kanak-kanak berdepan dengan pandemik COVID-19.

Sehubungan itu, usaha kegiatan ilmu mengenai pandemik COVID-19 melalui perekayasaan karya kreatif dapat diperhalusi lagi dalam buku *Engkaulah Adiwiraku*. Karya ini merupakan buku cerita yang sesuai dibaca dan didedahkan kepada kanak-kanak untuk menangani COVID-19. Kanak-kanak juga seharusnya peka dan sensitif terhadap keadaan sekeliling. Para ibu bapa, penjaga dan guru perlu memastikan bahawa kanak-kanak juga berperanan penting dalam membanteras dan memerangi pandemik ini. Oleh yang demikian, makalah ini memfokuskan penelitian terhadap pendidikan yang disalurkan kepada kanak-kanak melalui buku *Engkaulah Adiwiraku*.

4.0 FUNGSI SASTERA KANAK-KANAK SEBAGAI MEDIUM PENDIDIKAN

Karya kesusasteraan bukan sekadar menawarkan hiburan semata-mata, sebaliknya berperanan dalam menyisipkan pendidikan. Hal ini turut diperakui Othman Puteh (1989) yang menyifatkan pendidikan merupakan salah satu peranan yang dikendong kesusasteraan untuk disampaikan kepada masyarakat selain berperanan sebagai sumber hiburan. Othman Puteh (1989) turut memperincikan peranan kesusasteraan sebagai medium pendidikan seperti berikut;

Pendidikan sebagai satu daripada peranan utamanya, bermaksud dengan membaca hasil sesebuah karya kreatif itu, seseorang atau masyarakat pembaca dapat memperkayakan pengalaman dan pengetahuan, mentafsirkan hal-hal yang berkaitan dengan kehidupan dengan lebih baik, menghidupkan

daya imaginasi, merangsang minat membaca sebagai suatu budaya hidup...

(hlm. 45)

Nyatanya, karya-karya kesusasteraan membudayakan pendidikan melalui imaginasi dan kreativiti pengarang dalam karya-karya yang dihasilkan. Sebagitu juga perihalnya dalam kesusasteraan kanak-kanak yang tidak terlepas dalam menggembleng unsur-unsur pendidikan. Md Sidin Ahmad Ishak (2005) turut menyenaraikan nilai pendidikan dan pengajaran sebagai salah satu kriteria utama buku kanak-kanak. Dalam memperkatakan perihal ini, buku kanak-kanak sewajarnya mengemukakan unsur pendidikan, malah mestilah mengajarkan sesuatu kepada golongan kanak-kanak.

5.0 METODOLOGI KAJIAN

Penelitian ini menjurus kepada kaedah kajian berbentuk kualitatif yang melibatkan analisis kandungan yang merangkumi pemerihalan secara deskriptif terhadap kandungan teks yang dianalisis. Menurut Othman Lebar (2017) dalam mendedahkan laporan kajian kualitatif, pola-pola yang didapati daripada data diklasifikasikan sebagai deskripsi umum yang diperlukan untuk memberitahu pembaca sama ada *vignettes* (cebisan peristiwa) dan petikan kata-kata merupakan data yang tipikal secara keseluruhannya. Tan Siew Poh, Abdullah Yusoff dan Yusmiza Hanim Yusuf (2019) mengemukakan pandangan bahawa kajian kualitatif melibatkan data yang bukan berasaskan nombor tetapi berdasarkan pada situasi sebenar yang diperoleh daripada konteks kajian. Menerusi kajian ini, penelitian dilaksanakan terhadap teks buku cerita bergambar

Engkaulah Adiwiraku yang berwacanakan pendidikan COVID-19 seiring dengan pandemik COVID-19 yang sedang menular di seluruh dunia.

Analisis yang dijalankan pula menjurus kepada analisis kandungan. Menyorot pandangan Krippen (dalam Rosli Mohammed, 2016) analisis kandungan melibatkan beberapa langkah. Langkah pertama ialah penentuan skop tumpuan. Langkah ini merupakan aspek asas yang perlu diberi pertimbangan sebelum menggunakan kaedah ini dalam membuat penilaian keberkesanan sesuatu amalan komunikasi. Langkah kedua ialah menentukan unit analisis yang disifatkan sebagai aspek yang penting dalam kaedah ini. Apabila unit analisis telah ditentukan, proses ini akan memudahkan pengkaji dalam membuat tinjauan serta penilaian yang lebih sistematik dan objektif.

Rajah 1: Langkah analisis kandungan

Langkah 1	• Penentuan skop tumpuan
Langkah 2	• Menentukan unit analisis

Sehubungan itu, dalam mencapai objektif yang telah ditetapkan, pengkaji memanfaatkan penelitian terhadap teks buku cerita bergambar *Engkaulah Adiwiraku* dengan membaca naskhah ini secara berulang kali. Pembacaan secara teliti akan menemukan perwacanaan yang dominan dalam buku *Engkaulah Adiwiraku*. Pengkaji mendapati buku ini begitu

sarat dengan nilai pendidikan tentang hawar COVID-19 yang sesuai untuk diketengahkan kepada golongan kanak-kanak secara khususnya. Oleh yang demikian, pengkaji menentukan perspektif pendidikan tentang COVID-19 sebagai skop tumpuan. Seterusnya, pengkaji menentukan unit analisis yang diteliti iaitu pendidikan sendiri, pendidikan ibu bapa dan pendidikan masyarakat.

6.0 DAPATAN KAJIAN

6.0.1 Pendidikan Kendiri Terhadap COVID-19

Pandemik COVID-19 yang menular merentas sempadan antara negara mengancam kesihatan setiap yang bernyawa. Secara tidak langsung, perihal ini menuntut keprihatinan setiap individu dalam memastikan amalan kebersihan sendiri perlu diberikan keutamaan. Salah satu amalan yang dijadikan norma baharu ialah kerap mencuci tangan dengan sabun dan menggunakan cecair pembasmi kuman. Rohmat Suprpto et. al. (2020) menjelaskan tangan merupakan anggota badan yang kerap membawa dan menularkan bibit penyakit, bahkan memungkinkan penyebaran COVID-19 melalui tangan. Menerusi *Engkaulah Adiwiraku*, pengarang begitu menekankan perihal kebersihan dari aspek mencuci tangan sebagai langkah pencegahan dijangkiti hawar COVID-19. Perihal ini diketengahkan oleh pengarang menerusi petikan berikut;

“Hai Leila! Saya Sara, dan ini Salem,” laung Sara.

“Nampaknya kamu sedang cuba melindungi diri daripada coronavirus. Apa lagi yang kamu lakukan?”

“Kami mencuci tangan dengan sabun dan air!” kata Leila.

Berdasarkan perbualan di atas Sara yang baru bertemu Leila telah bertanya tentang langkah-langkah melindungi diri daripada COVID-19, lalu Leila menyatakan dirinya membasuh tangan dengan menggunakan air dan sabun. Berdasarkan WHO, terdapat tujuh langkah yang disarankan ketika mencuci tangan dengan air dan sabun. Tujuh langkah yang dimaksudkan ialah basuh tangan dengan air dan sabun secukupnya, gosok tapak tangan, gosok setiap jari dan celah jari, gosok kuku di tapak tangan, gosok belakang tapak tangan, basuh tangan dengan air bersih secukupnya dan akhir sekali ialah mengeringkan tangan dengan air yang bersih (Arthur H.P. Mawuntu, Janri Tumbal, Michelle Pontoh, dan Yanti Mewo, 2018). Seterusnya, tidak ketinggalan menerusi *Engkaulah Adiwiraku*, pengarang menerapkan pendidikan sendiri menghindari COVID-19 dengan mengamalkan cara batuk yang betul iaitu batuk ke arah siku yang dibengkokkan. Pengarang menggambarkan perihal tersebut dalam petikan berikut;

“Adakah kamu juga batuk ke arah siku yang dibengkokkan?” tanya Salem.

“Bolehkah kamu tunjukkan caranya?” Tanya Leila kembali. Salim menunjukkan cara batuk yang betul kepada mereka.

Menerusi petikan di atas, pembaca terutamanya golongan kanak-kanak diberikan pendedahan melalui penceritaan untuk mengamalkan cara batuk yang disyorkan iaitu batuk ke arah siku yang dibengkokkan bagi mengekang penularan wabak COVID-19.

6.0.2 Pendidikan Ibu bapa Terhadap COVID-19

Peranan ibu bapa dalam menangani COVID-19 sememangnya tidak dinafikan. Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam

menyalurkan maklumat dan pengetahuan kepada golongan kanak-kanak tentang COVID-19. Ahmad Redzuan Mohd Yunus (2005) menegaskan, ibu bapa selaku penjaga perlu memberi perhatian kepada anak-anak sama ada dalam soal kasih sayang ataupun perhatian terhadap pelajaran mereka. Menggeledah buku kanak-kanak *Engkaulah Adiwiraku*, pembaca akan ditemukan dengan peranan seorang ibu yang begitu perihatin terhadap anaknya dalam mengharungi pandemik COVID-19. Perihal ini diterjemahkan pengarang dalam dialog berikut:

“Apakah kuman COVID-19? Tanya Sara kepada ibunya.
“COVID-19 atau coronavirus, adalah kuman halus yang tidak dapat dilihat,” kata ibunya. “Namun, ia merebak apabila orang yang sakit batuk dan bersin lalu mereka menyentuh orang lain atau barang-barang di sekeliling mereka. Orang yang sakit mengalami demam dan batuk, dan kadang-kala sukar bernafas.”

Melalui petikan di atas, pengarang memberikan perwatakan yang positif terhadap watak ibu kepada Sara. Sebagai seorang ibu, beliau memperjelaskan tentang COVID-19 pada laras yang mudah agar senang difahami oleh Sara yang masih berusia kanak-kanak. Ibu Sara juga secara tidak langsung memberikan pendidikan kepada Sara tentang cara COVID-19 merebak dan gejala bagi penghidap COVID-19.

Oleh yang demikian, golongan ibu bapa sebenarnya berperanan dalam menyampaikan pengetahuan kepada anak-anak mereka tentang keberadaan COVID-19 yang membimbangkan, malah mampu meragut nyawa. Golongan ibu bapa seharusnya bijak dalam memerihalkan permasalahan yang wujud dan memberi cadangan jalan penyelesaian kepada anak-anak dalam usaha mengatasi permasalahan tersebut. Kanak-

kanak sebagai sebahagian daripada masyarakat juga tidak boleh dinafikan hak mereka untuk memperolehi pendidikan serta pengetahuan tentang COVID-19 yang menular seluruh dunia.

6.0.3 Pendidikan Masyarakat Terhadap COVID-19

Pandemik COVID-19 telah membawa kepada satu perubahan yang drastik dalam kehidupan bermasyarakat. Keadaan ini telah membataskan pergerakan masyarakat dalam aktiviti sosial seperti beribadat di masjid atau rumah ibadat, majlis keraian, riadah dan reaksi, aktiviti bersukan dan melancong. Dalam hal ini, masyarakat perlu mematuhi peraturan dan SOP yang telah ditetapkan bagi memutuskan rantaian COVID-19.

Sehubungan itu, golongan masyarakat memainkan peranan penting dalam menangani pandemik COVID-19. Pendidikan masyarakat terhadap COVID-19 dapat diperhalusi menerusi tingkah laku mereka yang menjadi contoh dan ikutan khususnya kanak-kanak. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan teks yang berikut:

“Tidak lama lagi orang perlu berhenti mengembara, sekurang-kurangnya buat masa ini,” kata Salem. Banyak negara telah menutup pintu masuk di sempadan negara masing-masing, dan kita semua sepatutnya tinggal di mana kita berada, bersama dengan orang yang kita sayangi.

Bagi memutuskan rantaian COVID-19, masyarakat perlu mengelak daripada mengembara atau melancong ke luar negara. Hal ini kerana bagi memastikan bahawa masyarakat terutamanya rakyat Malaysia tidak membawa virus dan menjangkiti orang lain. Oleh kerana itulah, semua negara telah menutup sempadan dan melarang pelancong luar untuk

memasuki sesebuah negara. Langkah ini merupakan salah satu pendidikan masyarakat yang dapat dijadikan contoh dan ikutan kepada kanak-kanak. Selain itu, masyarakat juga perlu kekal berada di rumah. Menurut Ketua Pengarah KMM seperti dalam sidang media berkaitan COVID-19 sering kali mengingatkan rakyat Malaysia untuk kekal berada di rumah kerana rumah merupakan tempat yang paling selamat. Perhatikan teks petikan yang berikut:

“Pergilah, ceritakan pada seluruh keluarga, kita semua lebih selamat di dalam rumah! Kita boleh menjaga semua ahli keluarga dengan kekal berada di rumah!”

Penelitian terhadap petikan dialog ini telah membuktikan bahawa rumah merupakan tempat yang paling selamat ketika berhadapan dengan pandemik COVID-19. Masyarakat perlu mematuhi peraturan dengan kekal berada di rumah dan mendidik ahli keluarga untuk sama-sama berganding bahu dalam menangani COVID-19. Ketua keluarga khususnya perlu sentiasa mengingati ahli keluarga iaitu isteri dan anak-anak untuk sentiasa berada di rumah. Kanak-kanak yang terdidik dengan sikap dan prihatin ahli keluarga akan menjadikan kanak-kanak menjadi individu yang peka dan sensitif dengan keadaan sekeliling. Lantaran itu, pendidikan masyarakat terhadap COVID-19 dapat diperlihatkan menerusi tingkah laku mereka yang kekal berada di rumah demi memutuskan rantaian COVID-19.

Selain itu, masyarakat juga perlu mengamalkan penjarakkan fizikal satu meter bagi mengelakkan daripada dijangkiti COVID-19. Pemuatan SOP seperti yang digariskan oleh KKM dan WHO perlu dilaksanakan

dengan baik agar dapat melindungi diri daripada dijangkiti. Hal ini seperti yang diperlihatkan menerusi petikan dialog yang berikut:

“Selamat datang, saya Salem!” kata salah seorang kanak-kanak tersebut. “Apa yang kamu lakukan di sini.? Maaf, kami tidak boleh datang dekat. Kita perlu berjarak sekurang-kurangnya satu meter.”

Situasi ini membuktikan bahawa pendidikan masyarakat terhadap COVID-19 dapat ditonjolkan menerusi pencegahan dengan melakukan penjarakkan sosial satu meter. Masyarakat sudah sedia maklum apabila bertemu atau berjumpa dalam keluarga, mereka akan bersalaman dan berpelukan namun, apabila negara dilanda COVID-19, keadaan ini telah membantutkan aktiviti sosial masyarakat. Oleh itu, penjarakkan ini bertujuan untuk mencegah dan mengelak daripada dijangkiti virus. Masyarakat perlu bersama-sama berganding bahu dan bekerjasama dalam memutuskan rangkaian COVID-19.

7.0 KESIMPULAN

Naskhah *Engkaulah Adiwiraku* merupakan naskhah yang perlu dijadikan bahan bacaan wajib golongan kanak-kanak terutamanya ketika berhadapan pandemik COVID-19. Pendedahan bahan bacaan seperti ini kepada golongan kanak-kanak dapat memberikan pencerahan tentang permasalahan yang berlaku dan ilmu pendidikan kepada mereka terutamanya dalam mencegah dan menangani pandemik COVID-19. Para ibu bapa, penjaga dan guru perlu memastikan bahawa anak-anak mereka ini didedahkan dengan ilmu pendidikan dalam mencegah COVID-19 agar kanak-kanak peka dan sensitif dengan keadaan sekeliling. Hal ini bertujuan membentuk diri mereka menjadi individu yang lebih

bertimbang rasa dan cakna pada masa hadapan. Berdasarkan penelitian yang dilaksanakan, jelaslah bahawa pendidikan sendiri, ibu bapa dan masyarakat begitu menyerlah dalam naskhah *Engkaulah Adiwiraku*. Secara tidak langsung penelitian ini membuktikan buku cerita bergambar kanak-kanak dan teks-teks sastera kanak-kanak sebenarnya berperanan penting dalam menyampaikan maklumat dan informasi mengenai pencegahan COVID-19.

8.0 RUJUKAN

- Anida Sarudin. (2020). Ulasan buku: 'Engkaullah Adiwiraku: Bagaimana kanak-kanak boleh melawan COVID-19.' *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*. 9(1), 48-57.
- Arba'ie Sujud & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2011). Pembentukan emosi kanak-kanak melalui bahan bacaan sastera. *Jurnal Pengajian Melayu*, 22(1), 66-89.
- Arthur H.P. Mawuntu, Janri Tumbal, Michelle Pontoh & Yanti Mewo. (2018). Evaluasi efektifitas prosedur cuci tangan pada operator pungsi lumbal di bagian neurologi RSUP R.D. Kandou Manado. *Jurnal Sinaps*, 1 (1), 47-66.
- Asmiaty Amat (2018). *Menyingkap gelojak rasa dan citra Azmah Nordin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizan Abdul Rahmani & Nurwati Ashikkin Ahmad Zaluki. (2020). Pencegahan penularan virus Corona (COVID-19) menurut perspektif Islam. *Journal of Fatwa Management and Research*, 22 (1), 1-13.
- Fauziah Hanim Jalal, Fairuz 'Ain Harun, Noraini Ismail & Nazariah Abd Samad. (2014). Penglibatan ibu bapa dalam pendidikan awal kanak-kanak di Pusat Anak Permata Negara. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 3, 36 - 61.

- Hadijah Rahmat. (2006). *Peranan dan perkembangan sastera kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Janner Simarmata. (2010). *Rekayasa perangkat lunak*. Yogyakarta: Penerbit ANDI.
- Md. Sidin Ahmad Ishak. (2005). *Perkembangan sastera kanak-kanak di Malaysia*. Shah Alam: Cerdik Publications Sdn. Bhd.
- Mohd Hasem Almuhammad, Asyraf Isyraqi Jamil & Musaiyadah Ahmadun. (2016). Beberapa Pandangan Ibn Hajar al-Haytamī mengenai pendidikan kanak-kanak menerusi karya Tahṙīr al-Maḡāl. *Jurnal Usuluddin*, 43, 91-108.
- Othman Lebar. (2017). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metode*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman Puteh. (1989). *Sastera remaja ditinjau daripada beberapa perspektif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ridzuan Hussin, Suraya Ahmad Kamel & Asmahan Mokhtar. (2016). Keberkesanan persekitaran, imej dan huruf dalam pendidikan kanak-kanak prasekolah. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 4, 40-47.
- Rohayati Junaidi, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan Madiawati Mamat@Mustaffa. (2020). Pandemik COVID-19 dalam persekitaran kanak-kanak menerusi Engkaulah Adiwiraku. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11, 31-45.
- Rohmat Suprpto, Mardiyah Hayati, Silvia Nurbaity, Fitri Anggraeni, Satria Haritsatama, Tsamarah Qaulan Sadida...Flandita Alri Pratama. (2020). Pembiasaan cuci tangan yang baik dan benar pada siswa taman kanak-kanak (TK) di Semarang. *Jurnal Surya Masyarakat*, 2(2), 139-145.
- Rosli Mohammed. (2016). *Audit komunikasi organisasi*. Sintok: UUM Press.
- Siti Amalina Ahmad Khairundin, Shahidra Abdul Khalil & Mumtazah Narowi. (2019). Kearifan tempatan dalam pendidikan kanak-kanak: Sorotan terhadap garis panduan hukuman rotan di

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). *Jurnal Fiqh*, 16(1), 83-104.

Tan Siew Poh, Abdullah Yusoff & Yusmiza Hanim Yusuf. (2019). *Panduan penulisan ilmiah: Laporan penyelidikan, kajian tindakan dan tugas akademik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.